

2. Berdasarkan trend 2013 pemberian elaun kepada Ahli Lembaga Pengarah di Malaysia adalah sekitar RM65,000 hingga RM122,000 setahun bagi setiap ahli; manakala RM35,000 hingga RM150,000 setahun bagi setiap ahli untuk agensi Kerajaan. Justeru, bermula Disember 2014 jumlah pembayaran elaun bulanan kepada setiap Ahli Lembaga Pengarah (termasuk Ketua Eksekutif HRDF) adalah sebanyak RM4,000 sebulan, dan elaun kehadiran mesyuarat sebanyak RM2,000. Elaun bulanan Pengerusi Ahli Lembaga Pengarah HRDF pula adalah sebanyak RM7,500 sebulan, dan RM2,500 bagi elaun kehadiran.

Tuan Yang Di Pertua,

3. Bagi soalan mengenai rasional HRDF menjadi syarikat, perkara ini telah dijelaskan oleh Kerajaan semasa pembentangan Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad, 2001 yang meminda Akta Pembangunan Sumber Manusia, 1992 kepada Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad, 2001 yang menjadikan PSMB sebagai syarikat berhad (*company limited by guarantee*).

4. Pengkorporatan HRDF ini adalah perlu bagi membolehkan agensi ini melaksanakan aktiviti secara *private sector driven* dan lebih *responsive* kepada keperluan majikan-majikan yang berdaftar di bawah Akta PSMB 2001; iaitu majikan di bawah sektor perkhidmatan, perindustrian serta perlombongan dan pengkuarian.

5. Sejak penubuhannya, HRDF telah melaksanakan pelbagai inisiatif dalam menyokong aspirasi Kerajaan untuk mewujudkan 35% tenaga kerja berkemahiran menjelang tahun 2020 sebagaimana yang terkandung di dalam dokumen Rancangan Malaysia ke-11 (RMK-11). Sehingga 31 Januari 2016, sebanyak 16,609 majikan dengan jumlah pekerja seramai 1.75 juta orang telah diliputi di bawah Akta PSMB untuk mendapat akses kepada dana Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia (KWPSM).

6. Sebuah kajian telah dilaksanakan oleh HRDF bagi mengetahui peratus tenaga kerja mahir di kalangan pekerja di bawah liputannya menunjukkan bahawa peratus tenaga kerja mahir bagi pekerja majikan berdaftar di bawah HRDF adalah sebanyak 38.4% iaitu melebihi sasaran peratus pekerja mahir nasional (35%). Keadaan ini telah membuktikan bahawa skim dan inisiatif yang ditawarkan oleh HRDF memberi impak kepada sasaran pembangunan sumber manusia industri dan negara. Bagi memperluas liputan manfaat dana HRDF ini kepada lebih ramai pekerja tempatan, HRDF bercadang untuk memperluaskan sektor yang diliputi di bawah Akta PSMB bagi tujuan latihan dan pembangunan kemahiran pekerja. Dengan ini HRDF dapat menyumbang kepada pembangunan tenaga kerja mahir dalam Negara dengan lebih giat dan meluas.